



KEMENTERIAN KEWANGAN
Wisma Kewangan
88593 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia
Tel.: 088-251513/251514/251516
Faks: 088-237605
Website: www.mof.sabah.gov.my

Tel. :
Bil. 088-252692
Tarikh KEW500-13/24
08 Oktober 2010

Semua Setiausaha Tetap
Semua Ketua Jabatan
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah/Pejabat Daerah Kecil


**SURAT PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH BIL. 14/2010
LANGKAH UNTUK MENGATASI MASALAH HUTANG BERAT DI KALANGAN
ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa berikutan keputusan Jawatankuasa Keutuhan Tadbir urus (JKTU) Kerajaan Negeri Sabah Bil. 3/2010 bertarikh 23 September 2010, Pekeliling Bil. 2/2008 bertarikh 28 Mac 2008 adalah dipinda seperti berikut:-

- 2.1. Sekiranya ada anggota perkhidmatan awam yang memerlukan pinjaman untuk sesuatu tujuan yang memberi manfaat kepadanya maka potongan gaji keseluruhan termasuk bayaran balik pinjaman tersebut hendaklah tidak melebihi (enam puluh peratus) 60 % daripada gaji kasarnya. Dengan lain-lain perkataan, gaji bersih pegawai peminjam hendaklah tidak kurang daripada (empat puluh peratus) 40% dari gaji kasarnya tertakluk kepada minima RM700.00 sebulan.
- 2.2. Permohonan pinjaman yang dibenarkan adalah untuk membina, membeli dan membaikpulih rumah. Selain dari itu permohonan pinjaman untuk tujuan menebus atau mengurangkan baki pinjaman sedia ada, membiayai pendidikan isteri/suami/anak-anak dan membiayai kos rawatan perubatan isteri/suami/anak-anak adalah juga dibenarkan.

.../2




KEW500-13/24

- 2 -

3. Ketua Jabatan juga hendaklah mematuhi panduan seperti di Lampiran 1 sebelum memperakukan sebarang pinjaman.
4. Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Bil. KEW(S) 500-4/1/Klt. 5/ bertarikh 2 April 2008 Perkara 10 mengenai amaun pinjaman yang boleh diluluskan adalah dengan ini diselaraskan mengikut para 2.1 dan 2.2 di atas.
5. Pekeliling ini berkuatkuasa dengan serta merta.

Sekian, terima kasih.

' BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH '



(DATUK PG. HASSANEL DATUK PG. HJ. MOHD. TAHIR)
Setiausaha Tetap

s.k. YB. Setiausaha Kerajaan Negeri
Tingkat 6, Wisma Innoprise
Jalan Sulaman, Teluk Likas
88817 KOTA KINABALU.

Bendahari Negeri
Jabatan Bendahari Negeri
KOTA KINABALU.